

**SOALAN NO: 35**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dr. Che Rosli bin Che Mat**  
**[Hulu Langat]**

**TARIKH : 22 November 2017**

**SOALAN : Dr. Che Rosli bin Che Mat minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN**  
**INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -**

faktor-faktor yang menyebabkan  
kenaikan harga ikan tanpa kawalan  
dan terus meningkat.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah merangka serta melaksanakan beberapa program jangka pendek dan panjang dalam usaha membantu mengawal dan menstabilkan harga serta bekalan ikan di pasaran. Usaha yang dilaksanakan tersebut melibatkan setiap rantaian pembekalan dan kelestarian sumber perikanan agar dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Dalam isu yang sering dibangkitkan mengenai kenaikan harga ikan, beberapa faktor telah dikenalpasti dapat mempengaruhi harga ikan di pasaran iaitu:

1. Pengurusan rantaian nilai yang panjang dan kurang cekap menyebabkan pertambahan bagi kos pengendalian ikan;
2. Kekangan bekalan ikan di pasaran terutamanya pada musim tengkujuh dan perayaan yang mendorong kepada peningkatan harga ikan; dan
3. Permintaan terhadap spesis ikan tertentu yang menyebabkan ikan tersebut dijual dengan harga yang lebih tinggi.